

Penanggulangan ABPBH langkah bijak

Merujuk kepada berita tuan (Penanggulangan ABPBH 2013 zahir simpati bertarikh 29 Mac), rakyat Malaysia merasakan penanggulangan majlis berprestij itu adalah satu langkah bijak yang diambil oleh *Berita Harian* serta TV3 sebagai tanda penghormatan di atas insiden pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 yang telah mengakhiri penerbangan di Lautan Hindi.

Hal ini terbukti apabila ramai yang memberikan reaksi positif apabila pengumuman itu dimuat naik di Facebook. Majlis Anugerah *Bintang Popular Berita Harian* (ABPBH) yang sepatutnya diadakan pada 6 April ini telah ditangguhkan pada satu tarikh yang baru. Di sini terbukti bahawa insan seni juga turut sama bersedih di atas insiden tragis yang melanda negara.

Beri sokongan pada waris

Sebenarnya, pelbagai cara telah dilakukan oleh golongan artis untuk memberi sokongan kepada waris mangsa MH370. Antaranya, Farah Fauzana telah mengajak peminatnya turun bersama-sama membuat origami, sebagai tanda simpati terhadap waris mangsa. Tambahan lagi, golongan artis turut memuat naik status sokon-

gan dan juga menzahirkan rasa simpati di laman sosial mereka seperti di Facebook, Twitter, dan juga Instagram. Ada juga artis yang telah meluangkan masa mereka melawat keluarga mangsa ketika mereka berkumpul di KLIA, sebelum Perdana Menteri mengumumkan bahawa penerbangan MH370 telah berakhir di Lautan Hindi.

Tanda penghormatan

Langkah penanggulangan itu dilihat sebagai tanda penghormatan dan sokongan bahawa kesedihan yang dialami waris mangsa MH370 juga turut dirasai setiap warga Malaysia, yang mana ini juga boleh dikatakan sebagai sokongan psikologi kepada waris MH370.

Mengikut Ketua Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima, Ahmad Izham Omar, Media Prima telah mengambil pendekatan mengurangkan program berbentuk hiburan serta memanjangkan masa penyiaran berita terkini tentang MH370. Usaha ini adalah untuk memudahkannya rakyat Malaysia mengetahui setiap perkembangan terbaru tentang MH370

Fatin Shaffawati Ab Ghani,
Universiti Sains Islam Malaysia